



29 AUG, 2019

## 499 maut terbabit kemalangan elektrik

Harian Metro (Timur), Malaysia

Page 1 of 2

# 499 maut terbabit kemalangan elektrik

**Kota Bharu:** Suruhanjaya Tenaga merekodkan sebanyak 499 kes kematian akibat kemalangan elektrik termasuk renjatan dan letupan, sejak 2002 sehingga Ogos ini.

Pengarah Jabatan Kawal Selia Keselamatan Suruhanjaya Tenaga, Ir Md Zakuhan Ibrahim, berkata statistik kematian itu adalah daripada 1,005 jumlah kes keseluruhan yang diterima dalam tempoh itu.

Katanya, untuk tahun ini jumlah kes kematangan elektrik seramai 31 orang dengan sembilan kes membabitkan kematian, manakala selebihnya cedera.



**MD Zakuhan**

Berdasarkan statistik, ia menunjukkan perkembangan positif berbanding tahun lalu dengan rekod sebanyak 56 kes kematangan elektrik seluruh negara.

"Hasil analisis yang dibuat menunjukkan faktor utama kemalangan elektrik disebabkan pemasangan elektrik yang tidak sempurna iaitu sebanyak 36 peratus diikuti dengan kegagalan mematuhi prosedur kerja selamat sebanyak 30 peratus.

"Manakala antara punca lain kemalangan boleh berlaku akibat aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik, pencerobohan pemasangan elektrik, salah guna sistem pendawaian dan kerosakan kepada peralatan elektrik.

"Pihak kami menjalankan pelbagai program dan seminar untuk meningkatkan

keselamatan secara terperinci malah ia dilakukan empat kali setahun di negeri berlainan dengan kerjasama pelbagai agensi," katanya merasmikan Seminar Mempertingkatkan Kesedaran Keselamatan Elektrik dan Gas Secara Berkesan Tahun 2019 di Hotel Grand River View (GRV), semalam.

Seramai 200 peserta menyertai seminar terbabit terdiri daripada pelbagai organisasi, jabatan kerajaan dan swasta serta pihak yang terbabit dalam sektor elektrik seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), penjual kelengkapan elektrik dan pemilik premis dobi layan diri.



29 AUG, 2019

## 499 maut terbabit kemalangan elektrik

Harian Metro (Timur), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kota Bharu: Suruhanjaya Tenaga merekodkan sebanyak 499 kes kematian akibat kemalangan elektrik termasuk renjatan dan letupan, sejak 2002 sehingga Ogos ini. Pengarah Jabatan Kawal Selia Keselamatan Suruhanjaya Tenaga, Ir Md Zakuan Ibrahim, berkata statistik kematian itu adalah daripada 1,005 jumlah kes keseluruhan yang diterima dalam tempoh itu. Katanya, untuk tahun ini jumlah kes kemalangan elektrik seramai 31 orang dengan sembilan kes membabitkan kematian, manakala selebihnya cedera.